

MEMUDAHKAN URUSAN PERKAHWINAN ANTARA LANGKAH PENCEGAHAN ZINA; ULASAN TERHADAP AYAT 32-33 SURAH AL-NUR

1045

WAN RAMIZAH BINTI HASAN
DR. MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
wanramizah@kuis.edu.my
faridravi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masalah pembuangan bayi, sumbang mahram, pengguguran janin, kelahiran anak tak sah taraf dan sebagainya adalah berpunca daripada jenayah zina yang tidak dicegah pada peringkat awal lagi. Berbagai pendekatan telah dilakukan untuk mengatasi masalah ini dan antaranya adalah dengan memudahkan urusan perkahwinan. Namun begitu, terdapat banyak halangan yang perlu dilalui oleh pasangan yang ingin berkahwin dan perkara ini sedikit sebanyak membuka ruang kepada perlakuan zina. Oleh kerana itu, penulisan ini dilakukan bertujuan mengenalpasti apakah faktor yang menghalang seseorang daripada melaksanakan perkahwinan dan apakah saranan-saranan al-Quran untuk memudahkan urusan perkahwinan dengan merujuk huraian tafsiran ayat 32-33 dalam surah al-Nur. Metod yang digunakan dalam penulisan ini ialah secara analisis kandungan, iaitu dengan meneliti ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis berkaitan dengan ayat 32-33 surah al-Nur yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir dan hadis. Selain itu, rujukan terhadap jurnal-jurnal dan kertas kerja yang dibentang juga dilakukan bagi melihat kedudukan permasalahan ini dalam masyarakat. Kajian mendapati faktor-faktor yang menghalang sesuatu perkahwinan dilaksanakan adalah masalah kewangan seperti mahar yang terlalu tinggi, mengenakan hantaran yang tidak mampu disediakan keluarga pengantin, adat-adat yang sukar ditinggalkan, tidak mendapat restu ibubapa terutama terhadap anak-anak yang masih belajar, tidak merasai perkahwinan itu satu suruhan daripada Allah s.w.t dan lain-lain lagi. Justeru Al-Quran telah menyarankan agar pihak berkuasa seperti baitulmal, para wali, ahli keluarga, masyarakat dan sebagainya berperanan membantu mereka yang mempunyai masalah kewangan dengan berbagai cara dan bentuk serta memudahkan urusan untuk berkahwin. Penulisan ini penting kerana ia mengupas tentang bagaimana al-Quran dapat menangani masalah ketidakmampuan seseorang untuk berkahwin bagi mengelakkan diri dari terjebak ke lembah perzinaan dengan memahami ayat-ayat yang berkaitan melalui pentafsiran para ulama dan kajian ahli akademik.

Kata kunci: urusan perkahwinan, cegah zina, surah al-Nur.

1.0 PENDAHULUAN

Menjaga kehormatan diri adalah suatu tuntutan dalam Islam sehinggakan ianya dijadikan sebahagian daripada *maqāsid syari'ah*. Oleh kerana itu, salah satu akhlak mulia yang diajarkan oleh Islam adalah *al-'Iffah* (menjaga kehormatan diri). Seorang yang '*afif* adalah orang yang bersabar daripada melakukan perkara-perkara yang diharamkan walaupun jiwanya cenderung kepada perkara tersebut dan menginginkannya. Allah s.w.t berfirman,

وَلَيْسَتَعَفِيفِ الَّذِينَ لَا يَحْدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ

Dan orang-orang yang tidak mampu kahwin hendaklah menjaga kesucian (diri) nya, sehingga Allah memampukan mereka dengan kurnia-Nya.

(al-Nur: 33)

Berbagai cara telah disarankan oleh al-Quran dan Sunnah agar manusia dapat menjaga kehormatan diri. Menurut Sayyid Qutb, (2010) Islam tidak mewajibkan manusia menjaga kesucian diri melainkan setelah ia menyediakan segala jalan keluar ke arah itu dan menjadikannya mudah digunakan oleh semua individu yang normal iaitu perkahwinan. Ketika itu tiada lagi individu yang ingin menggunakan jalan yang sumbang untuk memuaskan nafsu mereka seperti berzina, bersekedudukan dan sebagainya.

Namun realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakat masa kini, perkahwinan semakin dilihat sebagai satu perkara yang membebankan. Ini adalah rentetan dari trend belanja kahwin yang semakin tinggi sehingga menyebabkan berlakunya pelbagai kesan negatif kepada pasangan yang ingin berkahwin. Situasi ini akan menjadi bertambah serius sekiranya masyarakat tidak didedahkan dengan asas dan pendirian Islam dalam isu tersebut. Perbelanjaan perkahwinan masa kini bukan lagi terbatas kepada perbelanjaan untuk mas kahwin dan *walimah al-urus* sahaja, malah kepelbagaian adat dan norma perkahwinan masyarakat setempat telah mewujudkan pelbagai bentuk elemen perbelanjaan. (Syh Noorul Madiah et.al, 2014)

Oleh kerana itu, Allah s.w.t telah memerintahkan masyarakat muslimin supaya menolong dan membantu orang-orang yang ingin berkahwin dengan cara memudahkan urusan perkahwinan mereka. Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan apakah sebenarnya faktor yang menghalang atau melambatkan seseorang daripada mendirikan rumahtangga dan apakah saranan-saranan al-Quran untuk memudahkan urusan perkahwinan dengan merujuk huraian tafsiran ayat 32-33 dalam surah al-Nur.

2.0 FAKTOR-FAKTOR PENGHALANG

Urusan perkahwinan tidak pernah digambarkan sebagai satu perkara yang membebankan oleh Rasulullah SAW, bahkan baginda amat menganjurkan perkahwinan di usia muda setelah berkemampuan untuk melaksanakannya sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ
يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ¹

"Wahai sekalian pemuda, siapa diantara kalian telah mempunyai kemampuan, maka hendaklah ia menikah, karena menikah itu dapat menundukkan pandangan, dan juga lebih bisa menjaga kemaluan. Namun, siapa yang belum mampu, hendaklah ia berpuasa, sebab hal itu dapat meredakan nafsunya."

Walau bagaimanapun, terdapat dua faktor utama yang menyebabkan urusan perkahwinan tidak menjadi suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan iaitu faktor kewangan dan kefahaman.

2.1 Faktor Kewangan

Berita Harian Rabu, 25 Julai 2018 melaporkan bahawa antara sebab kaum lelaki belum berkahwin adalah kesibukan kerja, bebanan tugas dan kos sara hidup di ibu kota memerlukan perbelanjaan tinggi, membuatkan mereka belum bersedia berkahwin kerana dikhuatiri memberi kesan dalam perancangan hidup berkeluarga nanti.

Sidang Dewan Negara pada tahun lalu diberitahu, satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2010 mendapati faktor utama ramai lelaki tidak berkahwin ialah kerana masalah kewangan (44.7 peratus) diikuti tiada calon sesuai (19.3 peratus). (Kosmo, 2013).

Kewujudan kepelbagaian adat resam perkahwinan masyarakat Melayu telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan perkahwinan. Syh Noorul Madiah Binti Syed Husin et.al (2017) menyatakan elemen perbelanjaan perkahwinan yang ada pada masa kini adalah mas kahwin, *walimah al-Urs*, dan juga elemen sampingan seperti pemberian hadiah sesama pasangan, penyediaan persiapan majlis perkahwinan dan pemberian hadiah kepada tetamu.

Oleh kerana itu, masalah kewangan adalah antara faktor utama yang melambatkan proses akad nikah sama ada perkara-perkara yang berkaitan urusan yang wajib dilaksanakan dan adat yang perlu dijaga. Antara yang termasuk dalam masalah kewangan adalah:

2.1.1 Mahar atau Mas kahwin Yang Terlalu Tinggi

Mas kahwin merupakan suatu pemberian yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri dengan sebab perkahwinan atau persetubuhan (Al-Malbari 2008, 487), berasaskan kepada nas al-Quran dan hadis. Firman Allah S.W.T:

¹ (Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Man Istaṭ ā' minkum al-Bā'ah fa al-Yatazawwaj fa innahu Aghaḍ q u li al-Baṣ ar wa Aḥ ṣ an li al-Farj. Wa Ḥ al Yatazawwaj Man lā 'Arab lahu fī al-Nikāḥ, no. 5065. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥ ammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Ṣ aḥ īḥ al-Bukhārī", dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣ āliḥ bin 'Abd al-'Azīz al-Shaykh (Riyādh: Dār al-Salām, 2000), 438.

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَّرِيئًا ﴿٤﴾

Maksudnya: “Dan berikanlah wanita yang kamu kahwini itu suatu pemberian (mas kahwin)”.

(Al-Nisa’4: 4)

Rasulullah S.A.W juga pernah bertegas tentang kewajipan suami membayar mas kahwin di dalam sabda baginda kepada seorang lelaki: ”Carilah untuk dijadikan mas kahwin walaupun sebetuk cincin yang yang diperbuat daripada besi” (Riwayat Bukhari no. 5149)

Dari aspek kadar pula, Islam tidak menetapkan kadar yang tertentu padanya, kerana setiap individu adalah berbeza dari segi taraf hidup dan kemampuan. Justeru itu, Islam telah memberi kebebasan kepada umatnya untuk menetapkan sendiri kadar tersebut berdasarkan kemampuan setiap individu (Al-Sabuni t.t, 1: 322). Ulama' fiqh telah bersepakat menyatakan bahawa tiadanya had maksimum pada mas kahwin. Namun mereka berbeza pandangan dalam menentukan kadar minimumnya. Di Malaysia, setiap negeri meletakkan kadar minimumnya yang berbeza yang mana Selangor mengenakan kadar yang paling tinggi iaitu RM300. Manakala negeri yang paling rendah adalah Pahang dan Johor iaitu RM22.50 (<https://www.kahwinmall.com/blog/nilai-mas-kahwin-mengikut-negeri-2018/>)

Walau bagaimanapun, penentuan kadar mas kahwin yang tinggi contohnya boleh mengundang pelbagai masalah dalam masyarakat. Ia merupakan salah satu punca kepada berkurangnya kadar pertumbuhan perkahwinan dan berleluasanya masalah sosial yang lain termasuk masalah perzinahan dan pergaulan bebas. (Jasim 1992)

Pasangan lelaki terutamanya akan sanggup bernikah di Thailand apabila tidak mampu lagi untuk memenuhi kehendak keluarga perempuan yang menetapkan kadar mas kahwin yang terlalu tinggi (Zurita Mohd Yusoff 2008, 55)

2.1.2 Majlis Walimah al-Urus

Kenduri kahwin atau *Walimah al-'Urus* adalah suatu tuntutan Syari'ah. Ia adalah jamuan yang menjadi tuntutan agama dan bukannya sekadar suatu upacara, adat atau budaya semata-mata. Menurut Jumhur mengadakan walimah hukumnya sunat bukannya wajib kerana walimah itu adalah jamuan makan lantaran mendapat kegembiraan seperti mengadakan majlis-majlis lain juga.

Antara isu yang membimbangkan kebelakangan ini adalah bebanan hutang yang perlu ditanggung oleh pasangan yang baharu berkahwin. Secara purata, majlis perkahwinan masyarakat Melayu Islam kini boleh mencecah puluhan ribu ringgit . Ia merupakan satu jumlah yang agak menyukarkan bagi muda-mudi untuk menyediakannya. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Koid Swee Lian, antara punca utama mereka yang dibelenggu hutang adalah melibatkan pinjaman bagi pengurusan perbelanjaan perkahwinan. Faktor kos untuk persiapan perkahwinan, wang hantaran dan hadiah hantaran yang tinggi telah menyebabkan bakal pengantin terpaksa berhutang melalui pinjaman peribadi dan lain-lain bentuk pinjaman. Perbelanjaan perkahwinan yang tinggi turut menyukarkan urusan perkahwinan kepada kaum muda

2.1.3. Adat-Adat Yang Sukar Ditinggalkan

Kewujudan kepelbagaian adat resam perkahwinan masyarakat Melayu seperti majlis merisik, majlis pertunangan, bersanding di atas pelamin, pemberian wang hantaran kepada keluarga perempuan dan pertukaran hadiah hantaran telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan perkahwinan. Walaupun hanya adat, namun ia telah menjadi satu kemestian, bahkan perkahwinan dianggap tidak sempurna tanpa melalui adat-adat tersebut. Kos persediaan bagi rata-rata perkahwinan di Malaysia masa kini boleh mencecah ribuan ringgit yang melibatkan pelbagai pemberian tidak wajib seperti belanja hangus, wang hantaran dan pemberian.

Amalan menyediakan hantaran juga telah rapat dalam kehidupan masyarakat hingga sekarang yang terkadang disalah ertikan sebagai kemewahan. Oleh itu, timbul anggapan bahawa hantaran perkahwinan lebih penting daripada mahar yang diwajibkan. Nilai adat wang hantaran dilihat semakin meningkat dari masa ke semasa. Menurut Fatimah Daud, budaya menetapkan wang hantaran tinggi telah berlarutan dari tahun 1990-an, dan keadaan itu semakin membimbangkan dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. (Kosmo,10 Ogos 2013)

Hasil kajian di utara semenanjung mendapati majoriti responden telah menyatakan kadar yang paling munasabah bagi wang hantaran adalah di antara RM5000 hingga RM8000. Raihanah Azahari et.al (2009) Ini menunjukkan rata-rata masyarakat telah melihat wang hantaran perlu diletakkan dengan nilai yang tinggi.

Fenomena ini secara tidak langsung akan membawa kepada isu-isu sosial yang lain seperti masalah pergaulan bebas antara pasangan ajnabi yang akhirnya boleh membawa kepada perzinaan. Muda-mudi kini lebih gemar untuk berpasangan secara haram dan meminggirkan perkahwinan memandangkan kos belanja kahwin yang tinggi. Masalah ini seterusnya boleh berlarutan sehingga berlakunya perkahwinan secara tidak sah atau pun tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa agama tempatan. Nilai mas kahwin dan kos perkahwinan yang tinggi boleh menjadi faktor sampingan berlakunya perkahwinan di luar sempadan (Amani Ali Mutawalli 2010, 119).

2.2 Faktor Kefahaman

Kefahaman yang sahih membantu kesejahteraan amalan, pelaksanaan yang baik dan menjaga si pelaku dari tergelincir. Umar Abdul Aziz pernah berkata “ *Sesiapa yang beramal tanpa pengetahuan lebih banyak merosak berbanding mengelokkan*” (al-Khatib 2008)

Oleh kerana itu, apabila proses untuk melaksanakan perkahwinan tidak dapat difahami dengan baik, maka akan berlaku berbagai perkara yang melambatkan akad nikah dan seterusnya lahir gejala yang negatif. Antara perkara yang kurang difahami oleh masyarakat ialah:

2.2.1 Kurang Memahami Konsep Perkahwinan

Perkahwinan semasa berada dalam umur belajar ini masih belum diterima dengan baik kepada sebahagian besar masyarakat di Malaysia. Terdapat kajian membuktikan bahawa ada kalangan ibu bapa yang masih belum boleh menerima mahasiswa/i yang ingin berkahwin semasa mereka di IPT (Nor Rashidah Abdul Jamal 2006).

Oleh kerana itu, menurut Kamarul Azmi Jasmi (2008) menyarankan agar kebaikan dan keburukan berkahwin semasa belajar pada hakikatnya perlu diperincikan situasinya terlebih dahulu sebelum ibu bapa menolak atau menerima kehendak anak-anak mereka yang ingin berkahwin walaupun masih menuntut.

2.2.2 Menyamakan Mahar dengan Hantaran

Dalam amalan perkahwinan masyarakat Melayu di Malaysia, pada dasarnya ia terikat kepada dua keadaan, iaitu hukum syara' yang dikuatkuasakan melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri dan adat resam masyarakat setempat. Kesan daripada itu lahirnya dua amalan pemberian perkahwinan dalam masyarakat Melayu, iaitu mahar dan hantaran. Raihanah Azahari et.al (2009) Amalan menyediakan hantaran telah rapat dalam kehidupan masyarakat hingga sekarang yang terkadang disalah ertikan sebagai kemewahan. Oleh itu, timbul anggapan bahawa hantaran perkahwinan lebih penting daripada mahar yang diwajibkan dan masyarakat telah terkeliru dalam meletakkan keutamaan kepada adat hantaran berbanding syariat mahar.

2.2.3 Mengutamakan kerjaya

Masih ramai dalam kalangan masyarakat di Malaysia ini menganggap bahawa bekerja adalah menjadi perkara yang utama sebelum mendirikan rumahtangga walaupun kehendak untuk berkahwin itu telah ada. Masalah lambat berkahwin dalam kalangan wanita bekerjaya semakin hari semakin meningkat. Pada setiap tahun juga, didapati bahawa wujud peningkatan golongan bujang atau tidak pernah berkahwin di Malaysia (Rozumah dan Rumayah, 2016).

Menurut Faudziah Yusof & Farrah Wahida Mustafar (2017), kajian Kimberly McErlean (2012) pula telah mendapati bahawa wanita tidak berkahwin adalah kerana terlalu memikirkan tentang kerjaya selepas tamat pengajian di peringkat universiti. Keadaan ini juga menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk mencari pasangan hidup. Selain itu, faktor kurang bersedia, pemalu dan cerewet untuk mendirikan rumahtangga juga menyebabkan golongan wanita memilih untuk tidak berkahwin.

Kaum wanita dikatakan berjaya menghabiskan pelajar di peringkat sekolah dan seterusnya menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi berbanding dengan lelaki. Keadaan mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan kemampuan kewangan yang baik membuatkan kaum wanita melengah-lengahkan perkahwinan kerana mampu menjalani kehidupan sendiri.

3.0 PERANAN PELBAGAI PIHAK DALAM MEMUDAHKAN URUSAN PERKAHWINAN BERDASARKAN AYAT 32-33 SURAH AL-NUR

Sayyid Qutb, (2010) ketika menghuraikan ayat 32-33 surah al-Nur menyatakan bahawa antara jalan penyelesaian dalam masalah kehendak syahwat atau persoalan seks adalah dengan cara memudahkan segala urusan perkahwinan serta menyulitkan segala jalan-jalan yang lain atau menutup semuanya bagi menghalangi mereka memuaskan hawa nafsu dengan jalan-jalan yang haram.

Oleh sebab itu Allah SWT memerintahkan masyarakat Muslimin supaya menolong orang-orang yang dihalangi kesulitan kewangan untuk membolehkannya melangsungkan pernikahan yang halal:

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nur ayat 32-33:

وَأَنْكِحُوا الْأَيِّمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾ وَلَيْسَتَعَفِيفِ الَّذِينَ لَا يَحْدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَالَّذِينَ يَبْتِغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ۚ وَءَاتُوهُمْ مِّنْ مَّالِ اللَّهِ الَّذِي آتَاكُمْ ۚ وَلَا تُكْرِهُوا فَتِيَّتَكُمْ عَلَى الْبِغَاءِ ۚ إِنْ أَرَدَنْ تَخْصَنًا لِّتَبْتَغُوا عَرَضَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَنْ يُكْرِهْنَهَا فَإِنَّ اللَّهَ مِنْ بَعْدِ إِكْرَاهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٣﴾

32. Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang Yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha mengetahui.

33. Dan orang-orang Yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya; dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) Yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran Yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu Dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat Yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah Yang telah dikurniakan kepada kamu. dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. dan sesiapa Yang memaksa mereka, maka Sesungguhnya Allah - sesudah paksaan Yang dilakukan kepada mereka - Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

3.1 Peranan Wali atau Ibubapa

Dr Hikmat (1999) ketika menghuraikan ayat di atas menyatakan bahawa Ibnu Abbas telah menerangkan bahawa ianya suruhan supaya berkahwin dan seruan kepada para wali atau ibubapa agar mengahwinkan anak-anak mereka sama ada yang merdeka atau hamba. Allah s.w.t sendiri telah menjanjikan kesenangan kepada mereka. Lebih-lebih lagi kepada mereka yang berkeinginan untuk berkahwin demi memelihara diri kerana Allah Maha Pemurah dan Maha menganugerahkan kesenangan kepada hamba-Nya.

Oleh kerana itu, peranan ibubapa amat penting dalam menentukan halatuju anak-anak mereka dengan membuang mentaliti khususnya anak perempuan bahawa perkahwinan menghalang mereka daripada mendapat hak pendidikan. Mereka mestilah memahami dan menerima dengan hati terbuka hikmah perkahwinan terhadap anak yang masih belajar di IPT dengan melihat keperluan anak yang ingin berkahwin ketika masih belajar. Jika anak sudah ada keinginan itu, ibu bapa perlu menggalak dan mengizinkan mereka. Jika mereka ada calon, tetapi belum ada keinginan ke arah itu pula ibu bapa perlu melihat situasi anaknya sama ada boleh menjaga batasan syariat atau tidak. Jika ibu bapa mendapati bahawa anak mereka tidak dapat menjaga batasan itu, mereka perlu menggalakkan perkahwinan supaya dapat menghindarkan mereka daripada kerosakan moral dan kancah penzinaan. (Kamarul Azmi Jasmi, 2008)

Ibubapa juga disarankan agar tidak membebankan anak yang berkahwin sewaktu belajar dengan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi. Perbelanjaan yang sederhana dalam perkahwinan itu sendiri lebih menepati syariat Islam. Malah para ibubapa perlu cuba untuk memahami dan membantu anak yang berkeluarga ketika belajar dengan cara mencukupkan keperluan mereka tanpa diminta. Ini memandangkan hidup mereka memiliki tanggungjawab keluarga dan pelajaran dalam keadaan sumber kewangan yang terhad. Pandangan Kamarul Azmi Jasmi (2008) ini selari dengan tafsiran al-Maraghi (2001) yang menyarankan agar semua pihak memudahkan urusan perkahwinan dengan berbagai cara seperti menghulurkan bantuan kewangan, memudahkan urusan untuk pasangan untuk melangsungkan perkahwinan mereka.

3.2 Peranan Masyarakat dan Institusi

Sayyid Qutb, (2010) menyatakan bahawa seandainya selepas itu masih terdapat orang-orang bujang yang miskin lelaki dan perempuan, yang mempunyai pendapatan peribadi yang tidak membolehkan mereka untuk berkahwin, maka wajiblah di atas masyarakat Muslimin mengahwinkan mereka.

Itulah perintah kepada masyarakat Muslimin supaya mengahwinkan orang-orang yang bujang itu. Menurut jumhur ulama' perintah itu adalah perintah sunnah (bukannya wajib) alasan mereka ialah di zaman Rasulullah s.a.w. sendiri terdapat orang-orang bujang yang tidak dikahwinkan dan andainya perintah ini suatu perintah yang wajib tentulah beliau mengahwinkan mereka.

Sayyid Qutb (2010) berpendapat perintah itu adalah suatu perintah yang wajib, tetapi bukan dengan erti perintah wajib memaksa orang-orang yang bujang itu supaya berkahwin, malah dengan erti perintah wajib memberi pertolongan kepada orang-orang yang ingin berkahwin dan mahu mengukuhkan pertahanan diri mereka (dari godaan nafsu), kerana perkahwinan itu merupakan salah satu saranan pencegahan (maksiat zina) yang amali dan dapat membersihkan masyarakat Islam dari kejahatan seks. Dan ini adalah satu perkara yang wajib dan (menurut kaedah) sesuatu saranan bagi perkara yang wajib itu adalah hukumnya wajib.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2008), Institusi-institusi seperti pihak-pihak universiti juga boleh berperanan menyediakan pusat temu jodoh kepada mahasiswa mahasiswi yang ada keinginan berkahwin tetapi sukar mendapat jodoh atau mempertemukan kumpulan yang berkerjaya di luar atau dalam universiti untuk berkahwin dengan mahasiswi di universiti.

Dengan ini, pendidikan mahasiswi dapat diwujudkan dengan lebih jayanya sekalipun berkahwin.

Selain daripada itu, pihak IPT juga seharusnya memberi bantuan perbelanjaan perkahwinan kepada mahasiswa yang ingin mendirikan rumahtangga dengan menyediakan lebih banyak kemudahan penginapan kepada pelajar yang berkahwin dengan sewa yang sangat berpatutan. Selain daripada menyediakan bantuan kewangan tambahan atau potongan yuran kepada mahasiswa yang berkahwin seperti zakat dan sedekah bagi meringankan beban kewangan, pihak institusi juga perlu menyediakan kemudahan kursus dan bengkel kepada mahasiswa yang akan dan telah berkahwin bagi memantapkan lagi pengurusan masa dan kewangan mereka ketika belajar. Selain itu, kursus perancangan keluarga juga perlu diwujudkan supaya mahasiswa mempunyai ilmu dan boleh merancang untuk mendapat anak dalam tempoh dan masa yang sesuai. Ilmu ini penting agar kelahiran anak mereka tidak sehingga mereka terpaksa menangguhkan pengajian mereka satu atau dua semester.

Begitu juga pihak institusi perlu menyediakan pusat jagaan anak kepada mahasiswa/i yang telah menimang cahaya mata memandangkan anak tetap menjadi subjek penting bagi mereka walaupun masih belajar di IPT. Perkara-perkara ini semua dapat menggalak dan membudayakan institusi perkahwinan kepada mahasiswa berbanding budaya *coupling* tanpa ikatan perkahwinan di universiti. Kamarul Azmi Jasmi (2008),

3.3 Peranan Kerajaan dan Baitulmal

Peranan Kerajaan atau pemerintah juga amat penting dalam membendung perbuatan-perbuatan maksiat dan mengelakkan sesuatu jenayah daripada berlaku. Sayyid Qutb (2010). Kerajaan Malaysia sebagai contoh telah meletakkan garis panduan nikah cerai untuk pasangan luar negara yang akan mendirikan rumahtangga.

Bagi memudahkan urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' di luar negara, Kerajaan Malaysia telah melantik Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di beberapa buah negara. Bagi Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di luar negara yang tidak mempunyai Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju', rakyat Malaysia dibenarkan mendaftarkan perkahwinan, perceraian dan ruju' di Badan-Badan Agama, Majlis Agama Islam atau Pusat Islam yang diiktiraf oleh pihak berkuasa negara berkenaan.

Menurut Sayyid Qutb (2010), Islam selaku satu sistem hidup yang sepadu mengubati masalah-masalah ekonomi dengan pengubatan yang asasi. Ia menganggapkan semua individu yang normal itu sebagai orang-orang yang mampu berusaha dan bekerja untuk mendapatkan sara hidup tanpa memerlukan kepada bantuan Baitulmal, tetapi dalam keadaan-keadaan yang luar biasa Islam mewajibkan Baitulmal mengeluarkan bantuan-bantuan yang tertentu. Oleh itu yang menjadi pokok di dalam sistem ekonomi Islam ialah setiap individu harus berdikari dengan pendapatannya. Dan Islam menjadikan urusan mengadakan kemudahan bekerja dan upah yang cukup sebagai kewajipan kerajaan terhadap rakyat. Adapun pemberian bantuan dari kumpulan wang Baitulmal, maka ia merupakan satu langkah pengecualian yang bukan menjadi asas sistem ekonomi di dalam Islam.

Kamarul Azmi Jasmi (2008), dalam tulisannya telah mencadangkan kepada pihak kerajaan agar menghapuskan terus halangan pinjaman atau biasiswa yang mensyaratkan larangan

berkahwin semasa di IPT dan khususnya di IPG. Selain daripada membentuk dasar yang menggalakkan institusi perkahwinan di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta serta pelajar yang dihantar ke luar negara bagi membendung gejala social, kerajaan boleh memberikan bantuan kewangan berupa tambahan pinjaman atau biasiswa kepada pasangan yang sudah mendirikan rumahtangga bagi meringankan beban mereka. Kerajaan juga sepatutnya memberi bantuan kepada IPT untuk mendirikan rumah-rumah kelamin dan pusat-pusat jagaan anak bagi meringankan beban pasangan mahasiswa/i yang berkahwin. Dengan ini, mereka boleh menumpukan perhatian kepada pelajaran dan keluarga dengan lebih terurus dan mantap.

3.4 Peranan Individu

Sementara menunggu usaha masyarakat Muslimin mengahwinkan orang-orang yang bujang itu, maka al-Quran menyuruh mereka memelihara kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kemudahan perkahwinan kepada mereka:

وَلَيْسَتَعَفِيفِ الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ

“Dan hendaklah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin menjaga kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya.”(33)

وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

“Dan Allah Maha Luas (limpah kurnia-Nya) dan Maha Mengetahui.” (32)

Dia tidak menyempitkan limpah kurnia-Nya terhadap orang yang ingin mencari kebersihan dirinya dan dia mengetahui niat hatinya yang bersih dan kelayakannya untuk berkahwin.

Kemiskinan tidak seharusnya menjadi halangan perkahwinan selama mereka layak dan ingin berkahwin sama ada lelaki atau perempuan, kerana rezeki di tangan Allah s.w.t. dan Allah telah memberi jaminan untuk memberi kekayaan kepada mereka jika mereka telah memilih jalan pembersihan diri yang suci:

إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ

“Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. “(32)

Dan sabda Rasulullah s.a.w.:

ثَلَاثَةٌ حَقُّ عَلَى اللَّهِ عَوْنُهُمُ: الْمَجَاهِدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَالْمُكَاتِبُ الَّذِي يَرِيدُ الْأَدَاءَ، وَالنَّاكِحُ الَّذِي يَرِيدُ الْعِفَافَ

“Ada tiga golongan yang terhak di atas Allah menolong mereka iaitu: Pejuang fi Sabilillah, mukatib yang mahu membayar untuk menebuskan kemerdekaan dirinya dan orang yang mahu berkahwin kerana ingin menjaga kesucian dirinya.”

Sekiranya individu itu masih belajar, maka mereka mestilah membuang mentaliti bahawa perkahwinan merupakan satu halangan dalam pelajaran tetapi perlu menganggap sebagai satu proses kematangan terhadap tanggungjawab. Memilih hidup berkahwin yang berpahala daripada berpasangan tanpa perkahwinan di IPT yang banyak dilingkari dengan dosa. Semuanya ini telah terbukti dalam kajian bahawa perkahwinan semasa belajar merupakan satu keseronokan yang fitrah terhadap naluri kemanusiaan. Oleh itu, mahasiswa/i perlu menimbang untuk menjadikan perkahwinan satu budaya yang baik untuk diamalkan.

Pelajar seharusnya mengubah pandangan bahawa kegagalan dalam pelajaran lebih besar daripada kerosakan social berbanding perkahwinan. Ini adalah kerana keengganan mahasiswa untuk berkahwin sekalipun telah mempunyai calon dan dalam masa yang sama terus ingin hidup bercouple dengan tidak menjaga batas-batas syariat, menunjukkan bahawa dia merupakan lelaki yang takut memikul tanggungjawab dan tidak matang untuk memilih jalan kehidupan yang baik sebagaimana anjuran Islam.

4.0 KESIMPULAN

Memudahkan urusan perkahwinan antara suruhan Allah s.w.t dan saranan al-Quran sebagai langkah pencegahan berlakunya perzinaan. Antara faktor-faktor yang menghalang sesuatu perkahwinan dilaksanakan adalah masalah kewangan dan kefahaman, namun al-Quran telah menegaskan bahawa pihak berkuasa seperti baitulmal, para wali, ahli keluarga, masyarakat dan sebagainya perlu berperanan membantu mereka yang mempunyai masalah kewangan dengan berbagai cara dan bentuk serta memudahkan urusan untuk berkahwin. Mudah-mudahan penulisan ini dapat memaparkan bagaimana al-Quran dapat menangani masalah ketidakmampuan seseorang untuk berkahwin bagi mengelakkan diri dari terjebak ke lembah perzinaan dengan memahami ayat-ayat yang berkaitan melalui pentafsiran para ulama dan kajian ahli akademik.

5.0 RUJUKAN

- Ahmad Mustafa al-Maraghiy, (2001) *Tafsir al-Maraghiy*, Terj. Muhammad Thalib, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, (2001) Terj. Muhammad Thalib, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Al-‘Adwi, Abu Abd Allah Mustafa ibn al-‘Adwi, *Tafsir Surah al-Nur Fi Su’al wa Jawab*, 2002, Maktabah Makkah, Mesir
- Al-Khatib, Muhammad Abdullah 2008, *Penjelasan Di Sekitar Risalah Taalim*, Terjemahan Mohd Nizam Mohd Ali, Selangor : Dewan Pustaka Fajar
- Al-Malbariy, Zain al-Din Ibn Abd al-Aziz 2008, *Fath al-Mu’iin*, Terjemah oleh MKA Kreatif
- Al-Mutawalli, Amani Ali, 2010, *al-Dawabit al-Qanuniyyah wa al-Shari’ah wa al-Mushkilat al-Ilmiyyah li al-Anwa’al-Hadithah li al-zawajwa al-Talaq*, Qaherah; Dar al-Kutub al-Hadith.
- Al-Zamakhshari, 1998, *al-Kasysyaf ‘an Haqa’iq Ghawamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi wujuh al-Ta’wil*, tahqiq, Maktabah al-Abikan, Riyadh
- Al-Zuhayli, Prof Dr. Wahbah, 1998, *al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syariat wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr, Damsyik.

- Dr Hikmat ibn Basyir ibn Yasin (1999), *al-Tafsir al-Sahih Mawsu'ah al-Sahih al-Masbur min al-Tafsir bi al-Ma'thur*. al-Madinah al-Nabawiyyah: Dar al-Ma'athir. Enterprise, Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Faudziah Yusof & Farrah Wahida Mustafar, 2017 *Cabaran Bujang Lewat Usia: Stigma Terhadap Wanita Berkerjaya*, Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science Jilid 2 2017: 117-129
- Jasim Ibn Muḥ ammad al-Yasin, *Min Qadāyā al-Zawāj: al-Mahr - al-Khitbah -Zinah al-Sya'r* (Qahirah: Dār al-Wafa', 1992), 72.
- Kamarul Azmi Jasmi (2008). *Perkahwinan Semasa Belajar: Kebaikan dan keburukannya dalam Pembangunan Pelajar Universiti*. UTM. Kertas kerja Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Kimberly, M. E. (2012). *Examining Conceptions of Singledom among Older EverSingles*. Thesis. 2-37.
- Nafisah Tahir, Kamal Ashaari, *Ajarkan Wanitamu Surah al-Nur*, 2016, Pustaka Zhilal, Kuala Lumpur.
- Nor Rashidah Abdul Jamal (2006). *Persepsi Pelajar SPI yang Berkahwin Semasa Belajar*. PSM. UTM, Skudai.
- Noresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Raihanah Azahari et.al, "*Hubungan Di Antara Faktor Demografi Dengan Penentuan Kadar Hantaran*" dalam Jurnal Fiqh, (2009), 107-108.
- Rozumah, B & Rumaya, J. (2016). *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Universiti Putra Malaysia Press. Serdang.
- Sayyid Qutb, (2010) *Tafsir Fi Zilalil Qur'an, Di Bawah Bayangan al-Quran*, Terj Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob, Pustaka Darul Iman Sdn, Bhd. Cet 1
- Syh Noorul Madidah Syed Husin, Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman.2014. *Konsep Al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam*, Shariah Journal, Vol. 22, No. 3 (2014) 323-354
- Zurita Mohd Yusoff , 2008, "*Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia*" dalam Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Jil 1 Julai 2008, Kuala Terengganu: Universiti Darul Iman Malaysia.
- <https://www.kahwinmall.com/blog/nilai-mas-kahwin-mengikut-negeri-2018/>
- <https://www.bharian.com.my/node/180661>
- Hantaran Kahwin Tinggi Punca Ramai Membujang,' *Kosmo*, 10 Ogos 2013, 2.